



KEMPEN MARI BELAJAR 2 JAM 3 JAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR

TEKS UCAPAN

**DATO' MOHAMMAD IZAT BIN HASAN
KETUA PENGARAH RISDA**

DEWAN RAJA LUMU, MUZIUM SULTAN ALAM SHAH,
SHAH ALAM

3 MAC 2008
9.00 pagi

Yang Berusaha Saudara dan saudari Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Aziz bin Shamsuddin
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berhormat Dato' Ahmad Nawawi bin M. Zain
Exco Pendidikan, Sukan, Pembangunan Insan dan Penerangan
Negeri Selangor

Yang Berhormat Dato' Salamon bin Selamat

Yang Berbahagia Dato' Abdul Jabbar bin Che Nai
Timbalan Ketua Setiusaha KKLW

Yang Berbahagia Dato' Rahmah bt Hj. Kassim
Penasihat kepada Menteri KKLW

Yang Berbahagia Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

En. Nasarudin bin Malek,
Pengarah RISDA Negeri Selangor

Pengarah-Pengarah Bahagian

Ketua-Ketua dan wakil Jabatan Dan Agensi (KEMAS, JHEOA, Jab.
Kesihatan, PKNS, MBSA, Perpustakaan & Muzium & Jabatan-
jabatan lain

Wakil PIBG/Guru, Pemuda, MCA, MIC, Gerakan, PPP, IPF, WI

dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

3

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, dapat kita hadir bersama-sama dalam Majlis Pelancaran Kempen Mari Belajar 2 Jam 3 Jam peringkat Negeri Selangor pada hari ini. Bagi pihak RISDA, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Aziz Shamsuddin, Menteri kita yang kita kasihi, kerana sudi melapangkan masa

4

untuk hadir walaupun kita tahu beliau amat sibuk pada masa ini. Dalam jadual tugas yang begitu padat dan ketat, YB Menteri masih tetap memberi ruang masa untuk hadir bersama kita bagi memberi amanat dan menyuntik semangat kepada semua. Bersyukur kita kerana Dato' Seri diletakkan sebagai Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kita semua berasa bertuah mempunyai pemimpin yang begitu perihatin dan mengambil berat tentang masyarakat luar Bandar. YB Dato' Seri merupakan seorang Menteri yang berjiwa rakyat dan betul-betul memperjuangkan untuk pembangunan luar Bandar lebih-lebih lagi dalam bidang pendidikan.

5

Sesungguhnya kehadiran YB Menteri memberi semangat dan dapat merangsangkan usaha RISDA untuk membangunkan masyarakat Pekebun Kecil. Ucapan ribuan terima kasih juga kepada YB Dato' Nawawi, Exco Pendidikan Negeri Selangor dan YB Dato' Salamon atas sokongan dan keperihatinan Dato'-Dato' untuk turut serta dalam Majlis ini. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengalu-alukan kehadiran pekebun kecil serta para jemputan yang lain, satu kehadiran yang melambangkan semangat kekitaan dalam keinginan untuk melihat Negara kita berjaya.

6

2.0 TUJUAN KEMPEN

Tujuan RISDA mengadakan Kempen Mari Belajar 2 jam 3 jam peringkat Negeri Selangor ini adalah untuk menyahut saranan murni Yang Berhormat Dato' Seri Menteri kita, Dato' Seri Abdul Aziz bin Shamsuddin yang telah mencetuskan kempen ini di peringkat nasional untuk meningkatkan prestasi pembelajaran anak-anak serta meningkatkan kesedaran ibubapa terhadap pembelajaran anak-anak terutamanya di luar bandar. YB Menteri telah melihat bahawa salah satu faktor penting yang menjadi penyumbang utama kepada pembangunan masyarakat luar Bandar adalah elemen pendidikan.

7

Pendidikan adalah pintu kepada dunia dan kunci kepada kehidupan, ketamadunan serta kekuatan bangsanya. Apa yang kita lakukan atau tidak lakukan akan menentukan masa depan kita. Segala usaha gigih hari ini akan menentukan nasib dan corak kehidupan anak-anak kita di masa hadapan. Bak kata pepatah 'Membentuk buluh, biarlah dari rebungnya'.

8. PERANAN RISDA DALAM PENDIDIKAN

Di samping khidmat pengembangan, latihan formal dan informal yang dijalankan secara berterusan untuk pekebun kecil, RISDA juga telah memberi perhatian kepada pendidikan generasi

8

kedua pekebun kecil. Bagi RISDA, pembangunan ahli isi rumah perlu di beri penekanan sebagai jaminan untuk meningkatkan pendapatan keluarga serta taraf hidup masyarakat pekebun kecil dan luar bandar. Ini dilaksanakan dengan penubuhan Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK), Kolej RISDA serta Pusat Tuisyen Desa bagi memastikan anak-anak pekebun kecil dapat meneruskan pendidikan ke taraf yang lebih tinggi. Secara tidak langsung, matlamat RISDA supaya masyarakat pekebun kecil menikmati kehidupan lebih sejahtera dapat di capai melalui pendidikan generasi kedua dan memperoleh pendapatan

9

sekurang-kurangnya RM 2,000.00 sebulan sekeluarga sepertimana yang disasarkan oleh RISDA.

9. PENUTUP

Kita sebagai rakyat yang dilahirkan di bumi Malaysia yang aman dan berpotensi ini seharusnya bersyukur atas segala nikmat keamanan dan kestabilan politik yang sedang kita kecapai ketika ini. Adalah menjadi harapan RISDA supaya pekebun kecil terus merebut peluang-peluang yang disalurkan oleh Kerajaan dan memberi komitmen untuk menjayakan apa-apa aktiviti yang dilaksanakan oleh kerajaan. RISDA hanya

boleh merancang dan membantu tetapi pekebun kecil sendiri mestilah menetapkan matlamat hidup mereka dan berusaha untuk mencapainya manakala yang lain diserahkan kepada ALLAH S.W.T.

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana sebentar lagi YB Menteri akan menyampaikan ucapan yang penting untuk kita hayati. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Dato' Seri di atas kesudian untuk menghadiri Majlis RISDA pada hari ini. Juga terima kasih kami kepada YB Dato' Nawawi dan YB Dato' Salamon serta para

11

pekebun kecil dan jemputan yang hadir. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada Pengarah RISDA Negeri Selangor serta stafnya atas kesungguhan menjayakan majlis ini. Saya berdoa semoga Majlis kita pada hari ini membuahkan hasil seperti yang diharapkan.

Nyiur Gading puncak mahligai
Negeri Selangor Negeri cemerlang
Bantuan Kerajaan tidak ternilai
Di luar bandar minda di julang

12

Penduduk luar bandar amat beruntung
Kemajuan seimbang akan berlangsung
Harapan mereka tinggi menggunung
Kerajaan BN tetap di sanjung
(Kepada pemimpin mereka bergantung)

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah. Wsb.